



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 12 Ogos 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Raja Permaisuri Agong Terima Menghadap Nancy Shukri https://www.sinarharian.com.my/article/679711/berita/nasional/raja-permaisuri-agong-terima-menghadap-nancy-shukri#google_vignette https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/11/queen-grants-audience-to-women039s-minister-nancy-shukri https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/11/raja-permaisuri-agong-terima-menghadap-nancy-shukri-bincang-isu-wanita-dan-masyarakat https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2327988 https://thesun.my/cerita/berita/raja-permaisuri-agong-terima-menghadap-nancy-shukri-bincang-isu-wanita-dan-masyarakat-DP12846014 https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2327997 https://thesun.my/local-news/queen-grants-audience-to-women-s-minister-nancy-shukri-JP12846294 https://www.buletintv3.my/nasional/raja-permaisuri-agong-terima-menghadap-nancy-shukri-bincang-isu-wanita-dan-masyarakat/	Sinar Harian The Star Utusan Borneo Bernama The Sun Bernama The Sun Buletin TV3	Neutral

<p>2.</p>	<p>Remaja Menyamar Petugas Hospital Dirujuk Ke JKM - KP Selangor</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-menyamar-petugas-hospital-dirujuk-ke-jkm-kp-selangor-483048</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/715204</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1283400/remaja-menyamar-pegawai-perubatan-dirujuk-ke-jkm</p> <p>https://api.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1121538/remaja-menyamar-pegawai-perubatan-akan-dirujuk-ke-jkm</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/679703/berita/semasa/remaja-menyamar-petugas-hospital-dirujuk-ke-jkm---kp-selangor</p> <p>https://malysiagazette.com/2024/08/11/remaja-menyamar-pegawai-perubatan-dirujuk-kepada-jkm/</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/remaja-menyamar-petugas-hospital-dirujuk-ke-jkm-kp-selangor-EP12846266</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=jnCiTykBXTE</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/polis-rujuk-remaja-menyamar-pegawai-perubatan-kepada-jkm-sepang/</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>The Sun</p> <p>Buletin TV9</p> <p>Utusan</p>	<p>Neutral</p>
<p>3.</p>	<p>Masjid Tanah ‘Tenggelam’ Dilanda Banjir Kilat</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/08/11/video-masjid-tanah-tenggelam-dilanda-banjir-kilat/#google_vignette</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/empat-kawasan-di-masjid-tanah-dilanda-banjir-kilat-483037</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/melaka-salur-bantuan-segera-rm300-kepada-penduduk-terjejas-banjir-di-masjid-tanah</p> <p>https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2328088</p>	<p>Kosmo</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita RTM</p>	<p>Neutral</p>

	<p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1283454/4-kawasan-di-masjid-tanah-dilanda-banjir-kilat</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/679700/edisi/melakan/empat-kawasan-di-masjid-tanah-dilanda-banjir-kilat</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=h7U3mxTz-iU</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1121627/banjir-di-alor-gajah-248-dipindahkan-ke-5-pps</p> <p>https://thesun.my/local-news/four-areas-in-melaka-tengah-hit-by-flash-floods-AP12846042</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p> <p>The Sun</p>	
4.	<p>Kanak-Kanak 4 Tahun Ditemukan Lemas Di Dalam Kolam Renang Resort</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1283456/kanak-kanak-4-tahun-ditemukan-lemas-di-dalam-kolam-renang-resort</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/679685/berita/semasa/kanak-kanak-lelaki-lemas-mandi-kolam-di-kuala-nerus</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=-qtXoG284mg</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1121533/kanak-kanak-lemas-dalam-kolam-renang-resort</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral
5.	<p>Bayi Lemas Terjatuh Tali Air: Polis Ambil Keterangan Ibu Bapa & Kanak-Kanak 12 Tahun</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-lemas-terjatuh-tali-air-polis-ambil-keterangan-ibu-bapa-kanak-kanak-12-tahun/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/11/bayi-perempuan-15-bulan-maut-tercampak-ke-dalam-tali-air</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/679681/berita/semasa/bayi-jatuh-tali-air-polis-ambil-keterangan-ibu-bapa-tiga-individu-lain</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral

	<p>https://thesun.my/cerita/berita/siasatan-kes-bayi-tercampak-dalam-tali-air-di-bachok-dibuat-secara-telus-polis-BP12846465</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1121408/bayi-jatuh-tali-air-polis-ambil-keterangan-3-individu-ibu-bapa</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1283304/bayi-16-bulan-maut-terjatuh-tali-air-polis-siasat-ikut-akta-kanak-kanak</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/08/11/bayi-perempuan-15-bulan-maut-tercampak-ke-dalam-tali-air-mgflash/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/11/bayi-perempuan-15-bulan-maut-tercampak-ke-dalam-tali-air</p>	<p>The Sun</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Utusan Borneo</p>	
6.	<p>Polis Nafi Cubaan Kanak-Kanak Culik Umpan RM100</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1121380/polis-nafi-cubaan-kanak-kanak-culik-umpan-rm100</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/polis-sahkan-video-tular-kejadian-culik-kanak-kanak-di-labu-adalah-palsu-AP12845647</p> <p>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2327952</p>	<p>Harian Metro</p> <p>The Sun</p> <p>Bernamea</p>	Neutral
7	<p>Kanak-Kanak 8 Tahun Diiktiraf MBOR Penulis Buku Termuda</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/08/1283488/kanak-kanak-8-tahun-diiktiraf-mbor-penulis-buku-termuda</p>	<p>Berita Harian</p>	Positif
8	<p>Wanita Lemas Dan Tiga Lagi Hilang, Bot Dilanggar Tongkang</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1121427/wanita-lemas-dan-tiga-lagi-hilang-bot-dilanggar-tongkang</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=iLnoayX0e4s</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p>	

	<p>https://www.buletintv3.my/nasional/bot-karam-seorang-wanita-lemas-3-lagi-masih-hilang-di-perairan-kemaman/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/08/11/pemancing-wanita-maut-dan-tiga-hilang-bot-dirempuh-tongkang/</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Kosmo</p>	
9	<p>Suspek Serang Dua Wanita Di Sekolah Agama Diletakkan Senarai Orang Dikehendaki</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1121435/suspek-serang-dua-wanita-di-sekolah-agama-diletakkan-senarai-orang</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2024/08/lelaki-serang-tikam-dua-wanita-di-surau-dalam-senarai-dikehendaki-polis/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/08/11/suspek-serang-2-wanita-di-surau-disenaraikan-orang-dikehendaki/</p> <p>https://www.buletintv3.my/jenayah/suspek-tikam-2-wanita-disenarai-sebagai-orang-dikehendaki/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Utusan</p> <p>Kosmo</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral
10	<p>Pensyarah wanita hilang RM331,000 angkara 'phone scam'</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/679657/berita/semasa/pensyarah-wanita-hilang-rm331000-angkara-phone-scam</p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
11	<p>Mayat Wanita OKU Ditemui 30 Meter Dari Rumahnya</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/679689/berita/semasa/mayat-wanita-oku-ditemui-30-meter-dari-rumahnya</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/mayat-wanita-warga-emas-oku-ditemui-30-meter-dari-rumah/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lima-hari-hilang-mayat-zaiton-ditemukan-berhampiran-rumpun-pokok-pisang-483039</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

RAJA PERMAISURI AGONG TERIMA MENGHADAP NANCY SHUKRI



Raja Zarith Sofiah (empat dari kiri) berkenan menerima menghadap Nancy (empat dari kanan) di Istana Negara pada Ahad. Foto Facebook Sultan Ibrahim

KUALA LUMPUR - Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah berkenan menerima menghadap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri di Istana Negara, pada Ahad.

Hantaran di Facebook Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim memaklumkan pelbagai isu berkaitan golongan wanita, institusi kekeluargaan dan masyarakat dibincangkan dalam pertemuan yang berlangsung lebih sejam itu.

Turut hadir pada sesi menghadap itu ialah Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Dr Noraini Ahmad; Ketua Setiausaha KPWK, Datuk Dr Maziah Che Yusoff dan Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Norazman Othman.

Hadir sama, Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Abdul Shukur Abdullah; Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Hanani Sapit dan Ketua Pengarah Institut Sosial Malaysia (ISM), Dr Faridah Awang. – Bernama

REMAJA MENYAMAR PETUGAS HOSPITAL DIRUJUK KE JKM - KP SELANGOR



Wan Kamarul Azran dilaporkan sebagai berkata remaja itu yang direman dua hari sudah dibebaskan dengan jaminan polis malam semalam. - Gambar fail/Bernama

KUALA LUMPUR: Remaja perempuan berusia 14 tahun yang ditahan kerana mencerooh dan menyamar sebagai petugas di Hospital Sultan Idris Shah (HSIS) Serdang pada Khamis lepas telah dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sepang untuk tindakan lanjut.

Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan berkata tindakan tersebut diambil pihak polis memandangkan remaja perempuan terbabit adalah di bawah umur.

"Remaja tersebut sudah dirujuk ke JKM Sepang sejak semalam," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Pada Khamis lepas, remaja itu ditahan di lobi HSIS kerana disyaki menyamar sebagai pegawai perubatan dan menawarkan diri untuk membantu menjalankan satu pembedahan.

Ketua Polis Daerah Sepang ACP Wan Kamarul Azran Wan Yusof dilaporkan sebagai berkata remaja itu yang direman dua hari sudah dibebaskan dengan jaminan polis malam semalam.

Beliau berkata kertas siasatan berhubung kes itu sedang dilengkapkan serta akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan selanjutnya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 448 Kanun Keseksaan dan Seksyen 170 Kanun Keseksaan iaitu mencerooh dan menyamar sebagai penjawat awam.

-- BERNAMA

MASJID TANAH 'TENGGELEM' DILANDA BANJIR KILAT

ALOR GAJAH – Hujan lebat berterusan sejak pukul 7 pagi tadi menyebabkan beberapa kawasan di daerah ini dilanda banjir kilat termasuk di Masjid Tanah.

Bencana itu turut dikongsikan oleh pengguna media sosial dengan memaparkan Pekan Masjid Tanah dan kawasan perumahan di Taman Masjid Tanah Ria dinaiki air sehingga paras pinggang.

Beberapa laluan utama juga dikatakan telah terputus disebabkan bah, selain Tenaga Nasional Berhad (TNB) bertindak menutup sementara bekalan elektrik di kawasan terjejas.

Menurut Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Mas Ermieyati Samsudin, banjir kilat yang melanda kawasan itu hari ini merupakan antara yang terburuk pernah dialami apabila pusat khidmatnya turut dinaiki air.

“Saya difahamkan ramai terputus hubungan di kampung-kampung. Pihak agensi juga sedang bertungkus-lumus untuk bantuan keselamatan. Mohon doakan kami semua dipermudah urusan dan warga Masjid Tanah selamat,” katanya. – KOSMO! ONLINE

KANAK-KANAK 4 TAHUN DITEMUKAN LEMAS DI DALAM KOLAM RENANG RESORT

KUALA NERUS: Kanak-kanak lelaki berusia empat tahun ditemukan lemas ketika beriadah di kolam renang sebuah resort di sini, jam 5 petang semalam.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Azli Mohd Noor, berkata ibu kanak-kanak terbabit membawa mangsa, Muhammad Al Fatih Ahmad Bakri dan tiga lagi anaknya ke kolam berkenaan berenang.

Katanya, dua anaknya berusia 14 dan 12 tahun mandi di kolam dewasa, manakala mangsa dipercayai mengikut abang dan kakaknya mandi di kolam dewasa tanpa disedari abang dan kakaknya.

Ketika kejadian, beliau berkata, ibu mangsa bersama seorang lagi anaknya berusia satu tahun berada di tepi kolam berkenaan.

"Pengunjung lain menyedari kanak-kanak lemas dan segera memberi bantuan pernafasan serta menghubungi ambulans untuk dibawa ke Klinik Seberang Takir.

"Mangsa disahkan sudah meninggal dunia oleh doktor klinik berkenaan dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut," katanya menerusi kenyataan, hari ini.

Azli berkata, mayat mangsa kemudian dibawa ke Jabatan Forensik Hospital Sultanah Nur Zahirah untuk bedah siasat.

POLIS NAFI CUBAAN KANAK-KANAK CULIK UMPAN RM100

Nilai: Polis menafikan kejadian cubaan culik seorang kanak-kanak dengan mengumpan wang RM100 kepada mangsa yang dipercayai berlaku di sebuah taman perumahan di Tiara Sendayan, di sini, 8 Ogos lalu.

Ia susulan penularan satu klip video yang dimuat naik di media sosial mendakwa sebuah kereta berhenti di kawasan perumahan sebelum memanggil kanak-kanak berkenaan.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Abdul Malik Hasim berkata, semakan mendapati kereta yang kononnya digunakan 'penculik' berkenaan adalah milik jiran di taman perumahan itu.

"Setakat ini pihak kami tidak menerima laporan mengenai kejadian ini. Hasil pemeriksaan yang dijalankan, kami mendapati kejadian itu berlaku bukan untuk tujuan culik seperti yang ditularkan.

"Sebaliknya, pemandu kereta berwarna merah berkenaan menegur kanak-kanak yang bermain basikal di jalan. Mereka tinggal di satu taman perumahan," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Terdahulu tular video di TikTok dengan kapsyen 'perhatikan kereta merah, percubaan untuk culik anak jiran tetapi gagal sebab anak jiran bijak dia terus lari balik'.

Malah, di dalam video itu turut memaklumkan penculik menggunakan modus operandi dengan menawarkan wang tunai sebanyak RM100 kepada kanak-kanak sasarannya.

Bagaimanapun, tinjauan ke atas video yang dimuat naik pemilik menggunakan akaun 'Tembikai' itu sudah dipadamkan.

Abdul Malik berkata, orang ramai dinasihatkan supaya lebih bertanggungjawab dalam berkongsi sebarang rakaman dan tidak terlalu teruja untuk mendapatkan tontonan.

"Jika benar berlaku kes cubaan atau culik, laporkan kepada pihak polis. Jika tidak pasti, semak dahulu sebelum sebarkan kerana ia boleh mengundang rasa bimbang dalam kalangan penduduk," katanya.

KANAK-KANAK 8 TAHUN DIKTIRAF MBOR PENULIS BUKU TERMUDA



Aayushi menerima pengiktirafan penulis buku termuda daripada MBOR. Foto NSTP/NORZAMIRA CHE NOH.

SHAH ALAM: Minat membaca seorang kanak-kanak mendorong beliau menulis buku sendiri pada usia lapan tahun dan melancarkan buku pertamanya, hari ini.

Lebih manis, penulis itu Y Aayushi menerima pengiktirafan sebagai penulis buku termuda oleh Malaysia Book of Records (MBOR) melalui penerbitan bukunya bertajuk 'Unicorn and Little Amanda'.

Kanak-kanak perempuan itu mula menunjukkan minat dalam menulis buku pada usia enam tahun.

Setakat ini, ada beberapa bukunya yang sudah siap dan akan diterbitkan tidak lama lagi.

Aayushi berkata, selepas membaca lebih 4,000 buku sejak berusia tiga tahun, beliau mahu menulis buku sendiri.

"Walaupun saya masih muda, saya rasa buku saya menarik dan mahu mendorong kanak-kanak lain minat membaca macam saya.

"Visi saya pada masa hadapan mahu menjual buku pada harga RM1 supaya ramai kanak-kanak kurang berkemampuan dapat beli dan membaca buku saya," katanya pada Majlis Pelancaran buku Unicorn and Little Amanda di Perpustakaan Raja Tun Uda, dekat sini, hari ini.

Pada majlis berkenaan Aayushi menerima sijil pengiktirafan daripada wakil MBOR, Edwin Yeoh.

Turut hadir adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sentosa, Dr G Gunaraj.

Gunaraj berkata, pelancaran buku berkenaan harus memberi inspirasi kepada ibu bapa mengenai potensi anak-anak walaupun masih kecil.

"Buku ini ditulis oleh kanak-kanak berusia lapan tahun dan difahamkan ada tiga lagi buku akan diterbitkan selepas ini.

"Tahniah kepada ibu bapa beliau dan saya cukup kagum apabila Aayushi juga boleh bertutur dalam pelbagai bahasa walaupun bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Taman Sentosa," katanya.

Buku Unicorn and Little Amanda dijual pada harga RM25 dan berkisar mengenai pengembaraan ke 'Mushroom Land'.

Sebelum ini, buku berkenaan sudah dijual di platform Amazon bermula Februari lalu sebelum dilancarkan secara rasmi, hari ini.